BAHAGIAN A [15 markah]

Jawab **semua** soalan.

1.Yang manakah ciri asas sesebuah negara

A. Diterajui oleh parti politik tertentu
B. Ditadbir secara demokrasi berparlimen
C. Diperintah oleh kerajaan yang berdaulat
D. Diperkukuh oleh sistem ekonomi yang baik

2. Yang manakah pelanggaran kebebasan asasi menurut Perlembagaan Persekutuan?

A. Encik P tidak dibenarkan memasuki negeri Sarawak
B. Encik Q diambil tanahnya dengan bayaran pampasan yang dipersetujui
C. Encik R dirampas hartanya kerana terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram
D. Encik S dihalang daripada berunding dengan peguam pilihannya semasa dalam tahanan

3.Yang manakah yang benar tentang Perlembagaan Persekutuan?

I Tidak boleh dibuat pindaan
II Asas kepada pembentukan kerajaan
III Merupakan undang-undang tertinggi
IV Diluluskan oleh Mahkamah Persekutuan

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

Peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh seseorang Menteri atas kuasa yang diberi oleh Akta Parlimen

4. Pernyataan di atas merujuk kepada

A. Ordinan
B. Enakmen
C. Perundangan Kecil
D. Doktrin Duluan Kehakiman

5. Yang manakah kes jenayah yang dibicarakan di Mahkamah Syariah?

A. Perbuatan rasuah
B. Perbuatan minum arak
C. Pengambilan anak angkat
D. Pembahagian harta pusaka

6. Yang manakah kuasa Yang di-Pertuan Agong terhadap Dewan Rakyat?

A. Merasmikan persidangan Dewan Rakyat pada setiap penggal
B. Melantik Yang Dipertua Dewan Rakyat atas nasihat Perdana Menteri
C. Memecat Setiausaha Dewan Rakyat atas nasihat Yang Dipertua Dewan Rakyat
D. Meluluskan rang undang-undang yang dibentangkan dalam Dewan Rakyat

7. Yang manakah fungsi Suruhanjaya Pilihan Raya?

I Menentukan calon yang bertanding dalam pilihan raya
II Memastikan keselamatan pengundi semasa pilihan raya
III Menjalankan urusan semakan daftar pemilih pilihan raya
IV Membuat persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan III
D. III dan IV

Yang Dipertua Dewan Rakyat telah menghantar notis kekosongan kerusi Dewan Rakyat bagi Kawasan Parlimen X kepada Suruhanjaya Pilihan Raya

8. Tindakan di atas diambil kerana wakil rakyat berkenaan

A. dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri
B. dikenakan tindakan disiplin oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan Dewan
C. dibuktikan bersalah dalam prosiding yang berhubung dengan salah laku pilihan raya
D. tidak menghadiri sidang dalam tempoh tiga bulan selepas sidang pertama Dewan Rakyat

9. Yang manakah peristiwa yang menyebabkan seorang Menteri Besar mengambil Tindakan meletakkan jawatan?

A. Dilantik sebagai Senator
B. Dituduh terlibat dalam perlakuan rasuah
C.Hilang kepercayaan daripada Perdana Menteri
D.Dewan Undangan Negeri meluluskan undi tidak menyokong kepimpinan beliau

10. Yang manakah yang benar tentang Dewan Rakyat?

A Ketua Setiausaha Negara merupakan Setiausaha Dewan Rakyat.
B Ahli Dewan Rakyat boleh mewakili dua kawasan Dewan Rakyat.
C Yang Dipertua Dewan Rakyat mesti dipilih dalam kalangan ahli Dewan Rakyat.
D Rang Undang-undang Perbekalan dikemukakan dan dimulakan di Dewan Rakyat

11. Yang manakah yang benar tentang fungsi Majlis Raja-Raja?

A Memberi pengampunan pesalah di Mahkamah Syariah
B Memberi persetujuan terhadap pelantikan Perdana Menteri
C Memberi persetujuan terhadap pelantikan Yang Dipertua Negeri
D Memberi persetujuan terhadap pindaan undang-undang persempadanan negeri

12. Yang manakah pengundi yang berhak untuk mengundi sebagai pengundi pos?

A Pegawai pilihan raya yang menjalankan tugas pada hari mengundi
B Pegawai perkhidmatan awam yang bekerja pada hari mengundi
C Pesalah yang menjalani hukuman penjara pada hari mengundi
D Pesakit yang terlantar di hospital pada hari mengundi

13. Yang manakah yang berkaitan dengan Senarai Negeri dan Senarai Bersama yang terdapat dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan?

	SENARAI NEGERI	*SENARAI BERSAMA*
A	*Penyu*	*Kebajikan Masyarakat*
B	*Perikanan*	*Penjaja beredar*
C	*Perparitan*	*Perpustakaan*
D	*Kesihatan*	*Perumahan*

*Puan Y ialah seorang wanita asing yang berkahwin dengan lelaki warganegara Malaysia.
*Beliau menetap di Malaysia selama dua tahun sebelum tarikh permohonannya untuk mendapatkan kewarganegaraan Malaysia.

14. Yang manakah cara untuk Puan Y mendapatkan kewarganegaraan Malaysia?

A Masukan
B Pendaftaran
C Percantuman wilayah
D Kuat kuasa undang-undang

BAHAGIAN C [50 markah]

Pilih dua daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan.

20. Selain menguruskan pentadbiran negara, kerajaan juga mempunyai tanggungjawab yang lain. Bincangkan. [25]

21. Negara akan mengalami pelbagai kesan negatif jika kestabilan politik tergugat. Huraikan. [25]

22. ‘Keldai dadah’ berlaku disebabkan oleh pelbagai faktor dan usaha-usaha perlu dilakukan untuk mengatasi masalah ini. Bincangkan. [25]

KERTAS SOALAN TAMAT

SKEMA JAWAPAN PPC SEM 1 TAHUN 2022

BAHAGIAN A

1	C	5	B	9	D	13	A
2	D	6	A	10	D	14	B
3	C	7	D	11	D	15	B
4	C	8	C	12	B		

BAHAGIAN B

BAHAGIAN B [15 markah]

Jawab semua soalan.

16. Nyatakan empat cara Perlembagaan Persekutuan dipinda. [4M]

i.Majoriti mudah Majlis Parlimen
ii.Majoriti 2/3 ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara
iii.Majoriti 2/3 ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara dengan perkenan Majlis Raja-Raja
iv.Majoriti 2/3 ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara dengan persetujuan Yang Dipertua Negeri Sabah atau Sarawak
v.Perkara 150 deklarasi darurat

17.Huraikan dua jenis Rang Undang-Undang [4M]

i.Rang Undang-undang Awam/Kerajaan- melibatkan keseluruhan undang-undang yang berkaitan dasar awam, negara dan rakyat. Biasanya dikemukakan oleh pihak kerajaan dan kabinet.
ii.Rang Undang-undang Persendirian-melibatkan rakyat, pertubuhan, persatuan atau perbadanan. Undang-undang bercorak tempatan atau persendirian dan tidak melibatkan semua lapisan masyarakat.
iii.Rang Undang-undang Ahli Persendirian-dibentangkan oleh mana-mana ahli Dewan Rakyat dan bukan pihak kerajaan. Undaang-undang ini boleh meliputi seluruh negara atau pihak-pihak tertentu sahaja.
iv.Rang Undang-undang Hibrid-Undang-undang campuran yang dikemukakan sama ada oleh ahli kerajaan atau bukan kerajaan yang pada pandaangan Yang di-Pertua Dewan Rakyat mempunyai kepentingan tertentu, tidak sepertimana yang dinyatakan oleh mereka yang membawanya.

18.Huraikan dua cara bagaimana seorang tertuduh boleh dihadapkan ke mahkamah.[4M]

i.Melalui surat saman. Surat saman mencatatkan kesalahan, Tarikh,dan waktu yang dituduh hadir ke mahkamah
ii.Melalui waran tangkap. Apabila seseorang tertuduh tidak hadir ke mahkamah pada tarikh dan waktu yang ditetapkan tanpa kebenaran mahkamah, maka waran tangkap dikeluarkan
iii.Tangkapan tanpa waran. Keadaan ini berlaku apabila tertuduh ditangkap Ketika sedang melakukan jenayah.

19. Nyatakan tiga elemen penting untuk melaksanakan pilihan raya di Malaysia. [3M]

i.Bahagian Pilihan Raya
ii.Pemilih
iii.Calon
iv.Proses Pilihan Raya
v.Pengumuman keputusan Pilihan Raya

Bahagian C [50 markah]

Pilih dua daripada tajuk di bawah ini dan tulis karangan yang panjangnya antara 300 hingga 350 patah perkataan

20 Selain daripada menguruskan pentadbiran negara, kerajaan juga mempunyai tanggungjawab yang lain. Bincangkan.

Pendahuluan:

Malaysia adalah sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Oleh itu, kerajaan mempunyai tanggung jawab yang besar untuk memastikan pentadbiran negara berjalan dengan licin dan cekap serta memastikan wujudnya keamanan, kesejahteraan dalam negara.

Isi/Idea:

Idea wajib

1**. Menguruskan pentadbiran negara**

Bertanggungjawab untuk mengurus dan mentadbir dengan cekap dan berkesan.
Perlu menyediakan arahan dan panduan dalam membentuk dasar kerajaan atau peraturan dan undang-undang
Peraturan ini menjadi panduan kepada anggota pentadbiran kerajaan dalam merancang dan melaksanakan semua program dan projek pembangunan

Tanggung jawab lain

2.**Menjaga ketenteraman awam dan keamanan negara dalam negara**

Bertanggung jawab merancang, menyelaras, mengurus dan melaksana semua dasar bagi memelihara kesejahteraan dan keselamatan negara
Mewujudkan kewaspadaan dalam kalangan rakyat mengenai anasir subversif, jenayah, penyalahgunaan dadah dan gerakan militant
Kementerian Dalam Negeri (KDN) menjalankan kawalan ke atas semua bahan/jenis penerbitan supaya tidak memudaratkan keselamatan negara

3. **Menyediakan kemudahan**

Kemudahan tersebut akan mempercepatkan program pembangunan ekonomi dan peningkatan taraf hidup rakyat
Merangkumi bekalan air dan elektrik, perkhidmatan pos dan telekom, jalan raya, pendidikan, kesihatan, kebajikan dan lain-lain
Menyediakan kemudahan infrastruktur awam dan sosial/Prasarana
Menyediakan jaringan komunikasi siber

4. **Menjaga keadilan dan keharmonian rakyat**

Undang-undang digubal bagi menetapkan peraturan hidup dalam masyarakat agar keamanan dan keselamatan negara terjamin, terpelihara dan dikekalkan
Pelaksanaan undang-undang dan pengadilan dijalankan oleh badan kehakiman bertujuan memberi keadilan kepada rakyat

5. **Penggerak pembangunan negara.**

Merancang dan melaksanakan dasar dan strategi pembangunan supaya dapat mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang mapan dan berterusan
Menyediakan persekitaran ekonomi yang sesuai untuk menggalakkan kegiatan pelaburan modal daripada dalam dan luar negara

6. **Mempertahankan kedaulatan negara.**

Merancang dan melaksanakan program bagi mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara
Menggubal dan melaksanakan dasar kerajaan mengenai hal ehwal yang berkaitan dengan pertahanan
Melindungi negara daripada ancaman dalam dan luar negaraMempertahankan kedaulatan negara

7. **Mengadakan hubungan baik dengan negara-negara lain**

Mengadakan hubungan dua hala dan pelbagai hala
Hubungan diplomatic, menganggotai pelbagai pertubuhan serantau dan antarabangsa

Penutup:

Pemerintahan Malaysia berdasarkan Sistem Demokrasi Berparlimen mempunyai beberapa komponen. Kesemua komponen mempunyai pembahagian kuasa masing-masing yang jelas dan beroperasi untuk mencapai matlamat negara.

Jawapan: 1+4 isi/idea.

21. Negara akan mengalami pelbagai kesan negatif jika kestabilan politik tergugat. Huraikan.

Pengenalan

Antara faktor kejayaan sesebuah negara adalah kematangan dan kestabilan politiknya. Sekiranya berlaku krisis politik, wujud pelbagai kesan negatif.

Isi/Idea

1.**Keyakinan pelabur asing menurun**

Mengurangkan kemasukan pelabur asing
Penarafan agensi kewangan antarabangsa terhadap ekonomi negara jatuh
Nilai mata wang jatuh

2. **Pemerintahan negara tergugat**

Konflik politik akan mengurangkan keyakinas rakyat terhadap pemerintah
Menuntut perubahan kepimpinan dan kerajaan
Menghasut untuk menjatuhkan kerajaan

3.**Keselamatan awam/rakyat terancam**

Ketidakstabilan politik mengancam keselamatan rakyat
Bantahan dalam bentuk kekerasan boleh terjadi
Pergerakan bebas orang ramai tersekat

4.**Pembangunan negara terjejas**

Susana politik yang tidak stabil mengurangkan tumpuan
pemerintah terhadap projek-projek pembangunan
Tumpuan diberikan untuk menstabilkan politik berbanding pembangunan ekonomi
Kemasukan pelabur asing berkurangan

5.**Kedaulatan negara terancam**

Ketidakstabilan politik bolch mengundang campur tangan luar
Terdapat tekanan untuk mengubah kepimpinan

6.**Imej negara terjejas**

Media asing mengambil kesempatan untuk memberi liputan yang memburuk-burukkan negara
Negara dianggap tidak/kurang selamat oleh negara lain
Kemasukan pelancong terjejas

7.**Produktiviti negara menurun**

Pertumbuhan ekonomi lembap disebabkan kurangnya
kemasukan modal asing
Rancangan pembangunan negara tergugat

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Pengajian Am

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta